

Raja Permaisuri Agong dilantik semula Ketua Perlembagaan UIAM

Januari 25, 2024 @ 11:56am



Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

KUALA LUMPUR: Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dilantik semula sebagai Ketua Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk tempoh lima tahun berkuat kuasa 31 Januari ini.

Pelantikan semula Tunku Azizah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Rektor UIAM Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, berkata ini penggal kedua baginda menjawat jawatan berkenaan selepas dilantik bagi penggal pertama pada 2019.

"Warga UIAM amat bersyukur dan berbangga dengan keputusan pelantikan semula Tunku Azizah sebagai Ketua Perlembagaan UIAM untuk penggal kedua.

"Seluruh warga UIAM berbesar hati dan gembira dengan pelantikan semula Tunku Azizah kerana sikap penyayang dan prihatin baginda yang mendalam kepada segenap warga berbilang bangsa di UIAM ini," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dzulkifli berkata, pelantikan semula Tunku Azizah membolehkan UIAM mencapai pelbagai pengiktirafan peringkat antarabangsa khasnya dalam memaknai peranan sebuah institusi Islam yang berwibawa merentasi 40 tahun penubuhan UIAM.

Beliau berkata, seluruh warga UIAM akan terus memajukan perancangan disediakan dengan memanfaatkan pengalaman dan kecenderungan Tunku Azizah mengenai dunia ilmiah yang beretika dalam menegakkan kebenaran berteraskan ilmu serta amanah.

"Dengan pelantikan semula ini, Tunku Azizah yang akan bersemayam di Istana Pahang dalam meneruskan legasi Almarhum Ayahanda baginda untuk membolehkan UIAM meneroka lebih luas lagi peranannya sesuai dengan Rahmatan lil 'alamin selari dengan slogan UIAM 'Leading The Way, Leading The World," katanya. – BERNAMA